

# Weststar meterai kontrak RM2 bilion

**WESTSTAR** Aviation Services Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Weststar menandatangani perjanjian dengan PTT Exploration and Production (PTTEP) bagi operasi perkhidmatan helikopter luar pesisir bernilai RM2 bilion bagi tempoh tujuh tahun.

Perjanjian yang menyaksikan permulaan operasi serantau pertama di Asia Tenggara itu didatangkan dengan pilihan untuk lanjutan masa selama dua tahun, menurut syarikat itu dalam satu kenyataan.

Pengarah Urusan Kumpulan Weststar Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim berkata, usaha sama Weststar bersama syarikat United Offshore Aviation berpangkalan di Thailand merupakan satu langkah besar dalam usaha mengukuhkan tapak dalam industri penerbangan luar pesisir global.

Operasi berpangkalan di Songkhla, Thailand, itu akan melibatkan enam helikopter Agusta Westland AW139 dan kakitangan seramai 140 orang.

Weststar kini memiliki kontrak perkhidmatan berjumlah lebih RM8 bilion dan turut memiliki kumpulan helikopter luar pesisir terbesar dan paling moden di dunia. - Bernama